

PM mahu Asean cari dasar kesinambungan

Formula pelihara, inovatif lahir generasi modal insan berkualiti

Oleh Azman Zakaria

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Asean melaksanakan dasar bersifat memelihara dan inovatif dengan mengekalkan nilai yang baik serta membuat perubahan apabila perlu, dalam merangka masa depannya.

Perdana Menteri berkata, beliau percaya rahsia untuk memastikan kelangsungan hidup dan perkembangan Asean pada masa depan bergantung kepada keupayaan 10 negara anggotanya mencari formula yang betul bagi menguruskan kesinambungan dan perubahan.


"Ia akan bergantung kepada tahap kejayaan kita dalam melaksanakan perubahan tanpa mengorbankan kesinambungan. Asean perlu melaksanakan dasar berkembar iaitu memelihara dan berinovasi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan Syarahan Asean 2006 sempena sambutan ulang tahun Asean ke-39, di sini semalam. Tema sambutan ulang tahun itu ialah Asean dan Golongan Muda. Hadir sama, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Setiausaha Agung Asean, Ong Keng Yong.

Abdullah berkata, perkara pertama yang mesti dikekalkan adalah perkara asas terkandung dalam Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama (TAC) termasuk menghormati kemerdekaan, kedaulatan, kesaksamaan, integriti Wilayah dan identiti kebangsaan.

Katanya, anggota Asean juga tidak boleh mencampuri urusan dalaman negara lain dan perlu menyelesaikan sebarang pertikaian secara aman serta tidak menggunakan ancaman ketenteraan.

Beliau berkata, prinsip TAC mungkin harus diperhalusi agar relevan terhadap perubahan yang diperlukan negara anggota, seperti reaksi yang berbeza terhadap perkembangan politik di Myanmar yang membuatkan prinsip TAC mengenai "tidak campur tangan" banyak dipertanyakan.



PERKASA ASEAN: Abdullah ketika menyampaikan Syarahan Asean 2006 sempena sambutan ulang tahun Asean ke-39, di ibu negara, semalam. Turut kelihatan Syed Hamid dan Ong (kanan).

Katanya, Piagam Asean yang akan ditulis adalah tempat terbaik untuk mengemaskini prinsip TAC yang berkuatkuasa.

Dalam konteks inovasi pula, katanya, perkara utama dalam senarai untuk perubahan adalah memastikan aktiviti Asean membabitkan lebih ramai rakyat supaya organisasi itu akan lebih dekat kepada rakyat.

Sambil menyatakan Asean dalam tempoh 39 tahun lalu lebih berupa pertubuhan antara kerajaan, beliau menegaskan untuk tempoh 39 tahun akan datang, Asean sebagai pertubuhan perlu lebih berorientasikan rakyat.

"Tugas ini perlu menjadi sebahagian daripada proses menyediakan legasi untuk diwarisi oleh golongan muda Asean. Proses ini penting ke-

Tugas penting kerajaan Asean adalah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran golongan muda untuk menjadikan mereka sebagai golongan modal insan berkualiti",

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

rana lebih 50 peratus daripada 542 juta rakyat negara Asean adalah belia yang lahir selepas Asean dibentuk pada 1967," katanya.

Asean juga, katanya, memerlukan inovasi supaya lebih proaktif sebagai perkumpulan, khususnya dalam persoalan kerjasama ekonomi antarabangsa.

Dalam koriteks membangunkan komuniti, Abdullah berkata, keupayaan Asean menguruskan sendiri isu keamanan dan keselamatan serantau, terbukti antaranya menerusi Pasukan Pemantauan Antarabangsa di Mindanao Selatan yang diketuai Malaysia.

Katanya, Presiden Gloria Macapagal Arroyo menyatakan pemantauan itu sebagai contoh tindakan mewujudkan keamanan.